

TRET PERSONALITI PENGETUA SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI SABAH

Rohani Marasan^{1*}, Dg. Norizah Ag. Kiflee @ Dzulkifli², & Colonius Atang³

*^{1,2 & 3}Faculty of Psychology and Education,
Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah*

^{1}rohanimarasan70@gmail.com;*

²dndz@ums.edu.my ; ³colonius@ums.edu.my

Received: 19 April 2020 | Accepted: 18 November 2020 | Published: 01 December 2020

DOI: <https://doi.org/10.51200/bije.v2i.4710>

ABSTRAK

Kajian ini memberi fokus untuk mendalami tret personaliti pengetua selaku pentadbir pendidikan di sekolah menengah di negeri Sabah. Tindakan cemerlang pengetua selaku pentadbir pendidikan akan menjadi penentu kejayaan sesebuah sekolah meliputi bidang akademik, sahsiah dan aktiviti kokurikulum. Faktor utama kejayaan ini didorongi oleh personaliti pengetua dalam kepimpinannya berupaya mempengaruhi proses serta tingkah laku guru-guru melalui ketegasan pengetua berkomunikasi. Penerokaan kajian tentang kepimpinan pengetua yang masih menarik dan unik untuk dikaji. Kajian ini merupakan kajian kualitatif secara kajian kes. Kajian meliputi dengan menemubual pengetua, barisan penolong kanan dan ketua bidang. Pengumpulan data dilakukan berdasarkan kaedah temu bual mendalam tetapi berbentuk separa berstruktur dan dianalisis secara manual. Temu bual menjelaskan tret personaliti yang dimiliki pengetua terpancar melalui ketegasan berkomunikasi yang menjadi amalan kepimpinan pengetua bagi menjawab persoalan kajian ini. Daripada kajian ini sebuah model kepimpinan pengetua akan dibentuk dan dibangunkan sebagai panduan bagi pentadbir pendidikan yang inginkan amalan kepimpinan berkualiti serta berkesan dalam mengurus sekolah. Sumbangan kajian ini penting dalam bidang akademik bagi menambah khazanah ilmiah dalam bidang pengurusan pendidikan untuk dimanfaatkan oleh pengkaji-pengkaji kepimpinan pada masa akan datang.

Kata kunci: pentadbir pendidikan, tret personaliti, amalan kepimpinan

ABSTRACT

This study takes an in-depth look into the personality traits of principals as educational administrators of secondary schools in Sabah. The outstanding actions of principals as educational administrators will determine the success of a school in the fields of academics, personality, and co-curricular activities. The driving factor for this success lies in the personality of the principal in leadership capable of influencing the process and behaviour of the teachers through assertive communication. Studies exploring principals' leadership are still very much of interest and unique. This study was conducted as a single case study via qualitative means. It included interviews with a principal, senior assistants, and heads of sections. Data collection was done via semi-structured extended interviews and was analysed manually. The interviews offered explanations on the personality traits possessed by the principal and exemplified through assertive communication that has become the principal's leadership practice, to answer the issues in this study. From this study, a model of principal's leadership would then be formed as a guide for educational administrators who desire quality and effective leadership practices in managing the school and its community throughout schools in Sabah. This study is of academic importance to contribute new knowledge and reference in the field of education and human resources for the benefit of future leadership researchers.

Keywords: educational administrators, personality traits, leadership practices

PENGENALAN

Kajian kepimpinan telah banyak dilaksanakan untuk mengkaji amalan atau gaya kepimpinan pengetua dalam memajukan sekolah. Kajian yang melibatkan kepimpinan dilihat mempunyai signifikan dan berupaya mempengaruhi serta mampu memacu kejayaan sekolah. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa pengetua yang memikul tanggungjawab mengurus sesebuah sekolah merupakan tonggak utama di dalam penyampaian perkhidmatan terbaik sebagaimana Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025).

Senario ketika ini memberikan gambaran bahawa terdapat kalangan pengetua yang tidak menunjukkan kualiti kepimpinan sebagaimana diharapkan. PPPM 2013-2025 sebenarnya amat memerlukan pradigma transformasi pendidikan agar keberkesanan kepimpinan pengetua mampu direalisasikan. Kepimpinan pengetua merupakan mercu kepada pelaksanaan dasar-dasar pendidikan yang terpancar melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Kebijaksanaan pengetua mentadbir urus memberikan inspirasi kepada kalangan guru-guru di bawah kepimpinan pengetua.

Berdasarkan kepada kajian lepas, kajian kepimpinan pengetua yang merujuk kepada tret personaliti pengetua masih dijalankan. Kekurangan pengetahuan terhadap keadaan ini maka penerokaan terhadap kajian kepimpinan pengetua masih relevan dan unik untuk dikaji. Justeru, kajian kepimpinan pengetua berupaya menjadi rujukan tambahan bagi pembuat dasar dan polisi KPM seterusnya merangka kursus mahupun bengkel yang berkaitan

kepimpinan pengetua di sekolah bagi memartabatkan profesionalisme keguruan pada masa hadapan. Dapatan kajian ini boleh dijadikan garis panduan pendorong pelaksanaan kepimpinan pengetua di sekolah.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian kepimpinan merupakan kajian awal yang dilakukan sebagaimana dapatan Stogdill (1974) kajian mengenal pasti ciri-ciri yang membeza-bezakan pemimpin. Sekitar tahun 1948 sehingga 1974 sebanyak 163 kajian bertumpu kepada penyelidikan tret kepimpinan. Kepimpinan ialah suatu usaha pengaruh antara perseorangan dilakukan melalui proses komunikasi bagi tujuan mencapai matlamat mahupun beberapa matlamat dalam sesebuah organisasi.

Di bidang pendidikan pula pengetua merupakan pemimpin pendidikan yang memainkan peranan sangat penting dalam mengendalikan pencapaian murid dalam akademik, sahsiah dan aktiviti kokurikulum. Kajian Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Md. Yusof, Ramlee Mustapha dan Mohamad Jani Ibrahim, (2010) menyatakan kepentingan kompetensi dalam kepimpinan pengetua. Penemuan yang menyatakan kepimpinan pengetua yang berjaya adalah terdiri daripada kepimpinan yang memiliki sifat peribadi dan bersikap profesionalisme serta berkeupayaan membuat ramalan seterusnya berkemampuan mengadaptasi kepimpinannya mengikut keperluan di sekolah.

Kajian ini percaya bahawa pemimpin dilahirkan memiliki bakat semula jadi atau disebut tret personaliti sebagai pemimpin. Sifat-sifat semula jadi ini akan diterokai untuk menjadi rujukan kepada pemilihan pengetua pada masa akan datang di semua sekolah. Pengetua menjadi rujukan kepada para guru. Kejayaan sesebuah sekolah adalah bergantung kepada pengetua sebagai ketua dan menjadi sumber inspirasi (Sharifah Madinah, 2007). Guru akan menyanjung pengetua dan ini pastinya mampu menjulang semula pandangan tinggi masyarakat terhadap profesionalisme keguruan.

Pengetua ialah pemimpin berdasarkan polisi yang diamalkan di sekolah (Ellen Wexler Eckman, 2017). Pengetua semestinya mempunyai sasaran dalam membangunkan sekolah yang dipimpin melalui *Key Performance Indicator* (KPI) yang jelas tetapi berprinsip. Berdasarkan pandangan pengkaji tersebut menyimpulkan bahawa kepimpinan pengetua perlu bersikap proaktif dan mampu menyesuaikan kepimpinannya berdasarkan cabaran semasa.

Kajian kepimpinan pengetua yang berkaitan dengan prestasi akademik murid menunjukkan prestasi yang semakin menurun (Mitchell, Kensler, Tschannen-Moran, 2015). Ini didorongi kepimpinan pengetua di sekolah yang lebih berfokus kepada pembelajaran yang melibatkan perbezaan peringkat sekolah. Kepimpinan intruksional dikatakan yang sangat bermotivasi sejak tahun 1980-an dan meluas dilakukan sehingga kini. Maka, peranan pengetua bukan semata-mata tugas mentadbir sahaja (Hitt dan Turcer, 2016). Tegasnya, pengetua yang berjaya membangunkan sekolah menekankan kepimpinan intruksional dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar. Kepimpinan intruksional dikatakan mampu memberikan motivasi kepada para guru-guru di bawah bimbingan pengetua (James, 2018).

Muhammad Rozaimi Ramle, Jamal @Nordin Yunus, (2016) dan Wan Noor Adzmin (2017), menjelaskan kepimpinan secara kolabiratif adalah suatu usaha dalam memartabatkan profesionalisme keguruan. Maka, kepimpinan pengetua yang berkesan dalam menerajui sekolah memerlukan kepimpinan kolaboratif selain kepimpinan intrusksional. Kepimpinan pengetua yang ditunjangi tret personaliti akan bertindak kreatif dalam mengembang daya kepimpinannya menjadi lebih berkesan melalui pelbagai orientasi kepimpinan. Memetik kata-kata daripada Rosenblum *et.al* (1979);

"In many ways the school principal is the most important and Influential individual in any school. He or she is the person responsible for all activities the occur in and around the building. It is the pricipal's leadership that sets the tone of school, the clime for learning, the level of professionalism and morale of teachers and the degree of concern for what students may or may not become"

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang diujahkan maka isu kepimpinan masih relevan dikaji dan tidak pernah terputus rantaian kepentingannya. Lebih-lebih lagi dalam dunia pendidikan yang semakin dinamik. Justeru, penyelidik amat yakin sebagai pemimpin, pengetualah yang banyak memainkan peranan penting dalam membangunkan sekolah.

PERNYATAAN MASALAH

Di Malaysia, khususnya sektor pendidikan memerlukan manusia yang profesional, kreatif, proaktif dan berkompentensi sebagai pemimpin yang berwibawa. Di samping memiliki ketaqwaan dalam menelesuri kehidupan agar sentiasa berada di landasan yang diredhai. Masalah yang difokuskan dalam kajian ini adalah berfokuskan kepada tret personaliti pengetua yang dilantik. Di sekolah-sekolah masih terdapat kalangan pengetua yang masih tidak mencerminkan pemimpinan pendidikan yang profesional sebagaimana kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Meskipun kalangan pengetua telah dianugerahkan *National Profesional Qualification for Educational Leader* iaitu NPQEL dan Kompetensi Pendidikan Malaysia (KOMPAS) untuk ditempatkan menjadi pengetua. Pengetua yang memiliki tret personaliti seperti ketegasan dalam berkomunikasi dan sesuai dengan keperluan terutama dalam menyelesaikan masalah-masalah pengurusan di sekolah mencerminkan kekuatan yang diperlukan dalam kepimpinan pengetua di sekolah. Bagaimanapun masih terdapat kepincangan dalam komunikasi pengetua yang mendorong tekanan dan salah faham guru-guru dalam kepimpinan pengetua.

Kompetensi dalam berkomunikasi mampu meningkatkan kecekapan mengurus di sekolah (Abdul Qahar Sarwari, 2017). Pengetua yang berkesan dilihat melalui cara pengetua menyampaikan segala arahan menggambarkan kebijaksanaan pengetua dalam ketegasan bersuara dan melambangkan pola pemikirannya. Pengetua dalam melaksanakan kepimpinan masih menunjukkan guru-guru dibelenggu oleh longgokan masalah kepincangan di sekolah dalam pelbagai situasi. Masalah ini perlu diatasi sepantasnya. Jika diabaikan maka inilah punca sebenar yang mengagalkan usaha KPM dalam memartabatkan profesionalisme keguruan akan tergendala. Semua masalah ini lahir daripada

pengetua yang tidak melaksanakan tanggungjawab secara bersungguh-sungguh. Kesannya, semua perancangan dasar sukar dicapai. Ini mendorong masyarakat memandang profession keguruan semakin terpinggir.

Perkataan negatif yang dilemparkan kepada pengetua yang tidak bertindak profesional terhadap perkara-perkara penting di sekolah. Perkara ini terjadi akibat pengetua yang dilantik tidak mempunyai wawasan dalam kerjayanya menjadi pengetua. Pengetua dikatakan tidak lagi mampu meneroka kemampuannya untuk melaksanakan amanah serta tanggungjawab sebagai suatu ibadah yang sangat dituntut. Jika ini terus berlaku maka sistem pendidikan negara akan dipandang negatif oleh masyarakat yang mengagungkan sekolah sebagai syurga kedua institusi keluarga. Harapan ini tidak wajar dipinggirkan kepentingannya. Oleh itu, masalah yang diketengahkan dalam kajian ini masih relevan untuk diterokai sebagai mencari penyelesaian bagi mengharungi cabaran pendidikan di era digital yang semakin mencabar.

Seandainya masalah ini tidak diselesaikan, ini akan memberi kesan jangka panjang kepada kepimpinan pengetua di sekolah. Malah, imej kepimpinan pengetua bertambah buruk kepada masyarakat terutama ibu bapa. Ini adalah kerana, peratusan pencapaian murid yang semakin menurun merupakan petanda ketidakcekapan kepimpinan pengetua selaku pentadbir pendidikan, di samping kurangnya kerjasama daripada kalangan guru-guru di bawah kepimpinannya. Selain itu, kepimpinan pengetua juga dilihat memberikan petunjuk kepimpinan yang bermasalah. Justeru, kajian ini perlu dilakukan bagi mencanai permasalahan ini dan membina amalan terbaik dalam kepimpinan pengetua.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada kajian tentang peranan kepimpinan pengetua selaku pentadbir pendidikan di sekolah menengah di negeri Sabah. Objektif kajian ini adalah untuk mendalami tret personaliti pengetua dalam kepimpinan di sekolah.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk menjawab persoalan kajian seperti yang berikut:

- i. Apakah tret personaliti yang diperlukan dalam kepimpinan pengetua di sekolah.

KAJIAN LITERATUR

Kepimpinan wujud berlandaskan peradaban manusia dalam mempertahankan eksistensi hidup bermasyarakat. Kepimpinan adalah suatu proses mempengaruhi tingkah laku pengikut dalam mencapai tujuan. Seterusnya bagi mencipta komitmen bersama untuk mencapai transformasi budaya. Kepimpinan terdiri daripada pemimpin yang mempunyai kemampuan mempengaruhi dan mengarah dengan segala bentuk tugas yang perlu diselesaikan. Kepimpinan merupakan faktor utama yang membawa perubahan kepada sesebuah organisasi (Moo Jun Hau & Rashad Yazdanifard, 2015). Kepimpinan adalah dirujuk sebagai keupayaan seseorang mempengaruhi minda

dan gelagat individu di dalam sesebuah organisasi mencapai matlamat mengikut struktur mahupun prosedur yang tertentu (Norhannan Ramli, 2016). Kepimpinan merupakan pengemudi hala tuju untuk pencapaian matlamat sesebuah organisasi, negara dan pembentukan tamadun yang hebat.

Sorotan lalu daripada pengkaji-pengkaji pendidikan menyenaraikan tret personaliti yang memberi pengertian tentang atribut semula jadi diteliti berdasarkan kajian yang dijalankan di dalam negara oleh Noraini binti Rushbadrol, Norashikin Mahmud dan Lily Suriani Mohd Arif (2015). Kajian ini menunjukkan terdapatnya hubungan yang positif antara tret personaliti dan prestasi. Malah, melalui kajian Holmes, Kirwan, Bova 7 dan Belcher (2015) menemui dapatan sembilan tret personaliti yang mempunyai hubungan signifikan dengan prestasi.

Norhannan Ramli, (2017) turut mengkaji tentang tret kepimpinan pengetua di sekolah yang menfokuskan kepimpinan tentang sifat, tingkah laku dan kualiti yang ada pada seseorang pemimpin tersebut. Ini disebabkan bahawa kepimpinan tersebut wujud tanpa pengaruh unsur paksaan akan mendorong pemimpin menjalinkan hubungan yang positif dengan para pengikutnya. Wanda Devis (2017) yang merujuk kepada kajian memfokuskan karakter ketua menyokong perkembangan pencapaian murid. Malah sikap bertanggungjawab terhadap keperluan di sekolah adalah dimainkan oleh pengetua (Jamilah Man, 2016) kerana pengetua dirujuk sebagai pemimpin manusia (Ellen Wexler Eckman 2017).

Hassan Mohd Ghazali (2014) menyatakan pengetua selaku pentadbir pendidikan perlu memiliki ciri-ciri khas dalam kepimpinan pengetua. Ciri-ciri tersebut merujuk kepada tret personaliti pemimpin yang berupaya menjana iklim dan persekitaran sekolah. Malah, pengkaji juga bersetuju bahawa personaliti mulia disulami dengan perwatakan mesra akan mampu menjadikan kepimpinan dihormati. Pemimpin juga menurutnya perlu bertindak tegas tetapi bertempat. Selain itu, pemimpin perlu memiliki tret kapisiti minda yang tinggi. Pemimpin hendaklah berilmu dan intelek. Seterusnya, mahir dalam berkomunikasi dan semestinya mempunyai visi, misi serta objektif yang jelas dalam kepimpinan. Tret yang menarik ialah pemimpin perlu menepati fokus pentadbiran iaitu *'the classroom view'* dan *school-wide view*.

Ciri-ciri di atas adalah merujuk kepada tret yang wajar dimiliki oleh pengetua dalam kepimpinannya. Kajian ini kelak akan menjadikan ciri-ciri disebutkan sebagai tema untuk mendalami tret personaliti mahupun keterampilan pemimpin pendidikan yang berpotensi.

THE GREAT MAN THEORY

Teori Teori *The Great Man* merupakan teori yang menjadi kerangka penyelidikan ini. Teori ini dikenal pasti sebelum abad ke-19. Pendekatan tret adalah kajian memfokuskan tentang ciri fizikal dan personaliti seseorang pemimpin (Moorhead dan Griffin, 1998). Ciri pemimpin yang hebat sering kali dikaitkan dengan pemimpin yang memiliki ciri semula jadi seperti ketinggian, karakter dan ciri-ciri kecederasan. *"he is born to be a leader"* *Great Man* (Bass, 1990; Bass dan Bernard, 1989). Kejayaan kepimpinan adalah dibuktikan melalui teori yang

dikenali sebagai "*The Great Man Theory*". Teori *The Great Man* juga merumuskan bahawa mereka yang dikenali pasti sebagai pemimpin semula jadi. *The Great Man* ialah teori mengenai personaliti yang berkisar tentang kualiti yang dimiliki oleh manusia yang hebat dan memberi fokus karaktr seseorang ketua. Sifat-sifat tersebut akan berupaya membezakan ketua dan pengikutnya.

Kerangka ini merumuskan perhubungan antara beberapa faktor yang penting kepada persoalan kajian berdasarkan teori *Great Man*. Berdasarkan kajian literatur, tret dapat mempengaruhi kepimpinan pengetua sebagai identiti yang menggambarkan ikatan pembelajaran melalui praktis sosial. Teori yang dibincangkan akan menjelaskan secara terperinci bagaimana tret wujud dalam kepimpinan seseorang. Tret ditekankan dalam kepimpinan bagi membina pembangunan diri seseorang pemimpin secara lebih berkesan. Berdasarkan pertimbangan semua elemen tret yang dinyatakan, dilihat amat berpotensi sebagai platform bagi penyelidik meneroka tret kepimpinan pengetua di sekolah kes kajian. Tret yang dimiliki oleh pemimpin akan membuka peluang sebagai pembawaan keperibadian yang mampu memberi pengaruh dalam dalam kepimpinan di sesebuah organisasi. Manfaat ini akan terbina jaringan bagaimana tret berpotensi untuk membina kepimpinan pengetua yang berkesan.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan interpretivisme dalam bentuk kualitatif dan melibatkan kajian kes tunggal iaitu menggunakan temu bual mendalam dan separa berstruktur bagi menjawab persoalan kajian tentang apakah trer personaliti yang diperlukan dalam kepimpinan pengetua di sekolah. Selain itu, sokongan pemerhatian dan analisis dokumen digunakan dalam memperkukuhkan dapatan kajian tentang tret personaliti pengetua. Tujuannya adalah sebagai membuktikan maklumat yang diperolehi. Pendekatan kajian secara kajian kes adalah unik bagi memenuhi kriteria yang dicadangkan oleh Yin (2018, 2003 dan 1994). Menurut Yin, kajian kes digunakan seandainya wujud persoalan tentang 'apa' dan 'bagaimana' yang kemukakan sebagai soalan kajian. Pendekatan kajian kes juga adalah kaedah untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang pengalaman, perasaan dan fenomena di sekolah di bawah kepimpinan pengetua. Pendekatan ini tidak diperolehi melalui pendekatan kajian secara kuantitatif.

Kajian akan dijalankan di sebuah sekolah menengah di negeri Sabah iaitu SMK St. Michael Penampang. Tujuan pemilihan sekolah ini adalah disebabkan sekolah ini telah berjaya dan cemerlang melalui pencapaian murid dalam semua aspek sama ada akademik, sahsiah dan aktiviti kokurikulum. Sekolah ini dipilih kerana sekolah telah melalui dan sedang mengalami proses kepimpinan pengetua yang berjaya sebagaimana yang diutarakan oleh Patton (2002). Sesuatu kajian yang keadaan itu memerlukan informen yang sedang atau mengalaminya dan ulasan kajian secara kualitatif daripada Siti Uzairah Mohd. Tobi (2017). Sampel kajian terdiri daripada pengetua, barisan penolong kanan seramai tiga orang dan semua ketua bidang iaitu empat orang dalam kalangan guru lelaki dan guru wanita. Instrumen kajian adalah melalui soalan temu bual mendalam dan separa berstruktur yang akan dianalisis secara manual.

DAPATAN

Data analisis daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen digabungkan dan seterusnya tema akan terbit daripada analisis ini. Antara tema ialah demografi guru. Tema kedua adalah tentang peranan pengurusan organisasi dan sub kategori ialah menetapkan matlamat, membina dasar, amalan profesional, mengatasi konflik dan motivator. Ditambah dengan tret personaliti iaitu kualiti peribadi pengetua yang menyokong pengurusan berkesan seperti dinyatakan dalam sub-kategori iaitu memiliki ilmu pengetahuan, membina kepercayaan guru, memiliki sahsiah yang unggul, suri teladan dan komited terhadap tugas. Tema ketiga ialah hubungan dengan staf yang merujuk kepada keberkesanan komunikasi, memberi pengiktirafan, patisipatif dalam penghasilan kerja. Perbincangan juga mengambil kira data-data daripada temu bual informan lain terdiri daripada pengetua, seorang guru wanita dan dua orang lelaki sekolah tersebut.

Setiap kes akan diperhalusi oleh penyelidik dengan menerangkan secara terperinci mengenai dimensi pengalaman kepimpinan bersama pengetua dan segala sumber maklumat yang diperolehi. Ini dipetik daripada petikan temu bual dengan subjek utama, yang penyelidik rasakan mempunyai pertalian dengan sub-kategori. Penghuraian adalah merangkumi temu bual dengan beberapa subjek di sekolah tersebut. Mereka bertindak sebagai sokongan atau tambahan tentang apa yang disebutkan daripada pengalaman kepimpinan pengetua. Semua dapatan dan penghuraian juga akan disertakan dengan data daripada pemerhatian dan dokumen tertentu.

KEPENTINGAN KAJIAN

Dengan adanya kajian ini maka kita mampu mengenali tret personaliti pengetua. Kejayaan dan kecemerlangan di sekolah bukan sahaja menjadi pendorong dan merangsang semua pihak dalam mencapai hasrat KPM. Namun, inilah yang perlu diutamakan dalam polisi pelantikan pengetua di setiap sekolah menengah bukan hanya bersandarkan kepada kekananan pengetua semata-mata.

Setiap pengetua yang ditempatkan di sekolah menengah negeri Sabah adalah terdiri daripada pengetua yang memiliki tret personaliti yang unik dan paling cemerlang serta mampu mengadaptasi semua dasar pendidikan. Kajian ini juga akan menyediakan pengetahuan baharu tentang kepimpinan pengetua di sekolah. Diharapkan kajian ini mampu merapatkan jurang pengetahuan kepimpinan sekolah yang berjaya di sekolah-sekolah di Malaysia, di Asia dan di Barat melalui adaptasi budaya setempat dan disesuaikan dengan keperluan sekolah menengah di negeri Sabah.

Kajian ini juga menjadi penting untuk rujukan akademik yang akan menjalankan kajian yang berfokuskan kepimpinan pengetua bagi menambah bahan ilmiah untuk menambah koleksi khazanah ilmu pengurusan pendidikan. Sumbangan yang signifikan amat bermakna kepada Kementerian Pendidikan, Bahagian Pendidikan Guru, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah mahupun Institut Aminuddin Baki dalam mengurus latihan kepimpinan

serta membuat dasar. Seterusnya, sumbangan kajian sebagai literatur kepada pengkaji-pengkaji kepimpinan pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Kejayaan di sesebuah sekolah sebenarnya banyak ditunjangi oleh kepimpinan pengetua. Pembawaan keperbadian melalui tret personaliti memperlihatkan kepimpinan pengetua yang berkesan. Kajian tentang tret personaliti membawa pengaruh yang positif terhadap kepimpinan pengetua di sekolah. Pengetua yang mempunyai tret personaliti yang tinggi akan mampu mengubah wajah sekolah menjadi sebagaimana yang dihasratkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sebagaimana dimaksudkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

RUJUKAN

- Abdul Qahar Sarwari, (2017). *The Contact and Cohesion Theory: A Conceptual Framework based on the Eastern Context of Communication*.
- Bass dan Bernard, (1989). *Handbook of leadership: A survey of theory and managerial application*. New York. Free Press.
- Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Md. Yussuf, Ramlee Mustapha dan Muhammad Jani Ibrahim, (2010). Analisis kompetensi Pengetua berdasarkan kualiti peribadi, kemahiran dan amalan dalam bidang pengurusan sekolah menengah Malaysia. *Journal Pendidikan Malaysia*, 35(2) (2010), 31-41.
- Edmond, R.R (1979). Effective School for the Urban Poor. *Educational leadership*, 37, 15-17.
- Ellen Wexler Eckman, (2017). *Leadership and Policy in School College of Education*. Marquette University.
- Great Man Theory. *A Personal Account of Attraction. Paper for the IBA Conference*. Helen L. Echmann. National University Diego.
- Hairuddin Mohd Ali, Shariffah Sebran Jamila Syed Imam. Muhammad Sani Hj Ibrahim dan Mohd Izham Hamzah, (2013). *Tret Personaliti Pengetua dan Guru Besar Novis di Malaysia*.
- Hassan Mohd Ghazali, (2014). *Kecemerlangan Sesebuah Sekolah banyak bergantung pada Peranan Pentadbiran Pengetua*. UPSI.
- Hitt and Turcer. (2016). *Systematic Review of Key leader Practices Found to Influence Students Achievement*.
- Ishak Sin, (2001). *Institut Aminuddin Baki*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ishak Sin, (2004). Apakah yang tertulis dalam khazanah tulisan ilmiah tentang tret, tingkah laku dan tindakan diperlukan untuk menjadi seorang pengetua yang berkesan. *Journal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan* 14(1):1-17.
- Jemaah Nazir (2001). *Pernyataan Dasar Standard Tinggi Kualiti Pendidikan (SKTP)*. Kuala Lumpur.
- James Sebastian, Haigen Huang dan Elaine Allesworth, (2017). Examining Intergrated Leadership System in High School: Connecting Principal and

- Teacher Leadership to Organizational Process and Students Outcome. Journal
[Http://www.Tndfonlime.com](http://www.Tndfonlime.com)
- James, (2018). *Bicara Profesionalisme di PPD Beaufort Sabah*.
- Jamilah *et al.*, (2011). Amalan Kepimpinan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) di Malaysia. *Journal of Edupress*, 1 323-335
- Moorhead dan Griffin, (1998). *Organizational behavior: managing people and organizational*. Ed ke-5 Boston: Houghton Mifflin Co.
- Micheal Quinn Paton (2002). *Qualitative Research and Evaluation Methods*. 3 Edition. Sage Publications.
- Nurul Hudani Md. Naw, Ma'rof Redzuan dan Noor Hisham Md. Naw, (2016). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30 (1), 102-112 ISSN-2289-8174
- Phillip Hallinger, Shengnen Liao dan Parnaree (2017). <http://doi.org/10.1080/03057925.2017>
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), (2013-2025). KPM.
- Patton M. Q. (2002). *Qualitative Research and Evaluation: A Practise guide*. New Jersey Hall.
- Robert K. Yin, (2018). *Case Study Research Design and Methods*. Third Edition. Sage Publications.
- Stogdill, R (1974). *Handbook of Leadership A Survey of Theory and Reasearch*. New York: The Free Press.
- Stogdill, R.M (1948). *Handbook of Leadership: Survey of Theory and Research*. New York. The Free Press.
- Spector, B.A. (2016). Carlyle, Freud and The Great Man Theory More fully Considered. *Leadership*, 12(20),250-260.
- Siti Uzairiah, (2018). *Mudahnya Kajian Literatur*. Reezqi Publication Selangor.
- Siti Uzairiah, (2017). *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu bual*. Aras Publisher Kuala Lumpur Malaysia.
- Sharifah Madinah bt. Syed Abdul Rahman, (2007). *The Principal Factor*. Sasbadi Selangor Malaysia.
- Yin, R. K. (1994). *Case Study Research Design and Methods: Applied Social Research and Methods Series*. Second edn. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Yin, R.K. (2003). *Case Study Research, Design and Method*. Sage: Thousand Oaks, California.
- Yin. Robert. K. (2018). *Case Study Research. Design and Method*. Sage Publications.
- Wan Noor Adzmin binti Mohd Sabri dan Suria Baba. (2017). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan IPG kampus Pendidikan Teknik KPM*